

## NEWS CLIPPING

EVENT	KOLEKSI MAGNET EKSKLUSIF TAMPIL 15 REKAAN BERBEZA
Publication	HARIAN METRO
Page/ Section	BISNES
Date	11 OCTOBER 2016
Time	

11-10-2016

**bisnes** 45



GARY (kanan) menunjukkan Koleksi Magnet Trolls.

**Kuala Lumpur**

### Koleksi magnet eksklusif tampil 15 rekaan berbeza

7-Eleven Malaysia muncul dengan kempen promosi dan program kesetiaan terbaru iaitu siri pengumpulan Koleksi Magnet Trolls selepas kejayaan yang diraih daripada kempen Buncit Bear.

Koleksi magnet eksklusif itu menampilkan 15 rekaan berbeza di mana setiap satu daripadanya direka khusus dengan karakter unik daripada filem Trolls seperti Branch, Satin dan Chenille.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Gary Brown berkata, sebelum ini kempen Buncit Bear mendapat sambutan luar biasa di mana syarikat sentiasa memenuhi kehendak pelanggan dengan memperkenalkan lebih banyak program penebusan kepada pelanggan.

"Pengenalan program serta kempen Koleksi Magnet Troll ini susulan daripada kempen luar biasa Buncit Bear dan yakin kempen baru ini dapat memberikan lebih banyak keseronokan kepada pelanggan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Program kesetiaan itu akan bermula selama lapan minggu bermula semalam sehingga 7 November ini dan sepanjang program ini berlangsung, pelanggan akan diberikan satu pelekat bagi setiap pembelian sebanyak RM5.